

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 KEPENTINGAN FAEDAH-FAEDAH BUKAN DALAM BENTUK WANG**

Kepentingan faedah bukan dalam bentuk wang amatlah penting dalam Tentera Darat. Ianya bukan sahaja memberi faedah kepada anggota bahkan juga kepada organisasi. Jika dilihat dari segi keperluan anggota-anggota, faedah-faedah yang dinyatakan sememangnya telah memenuhi kehendak undang-undang negara dan dapat memberi jaminan masa depan kepada anggota itu sendiri. Secara keseluruhannya didapati faedah-faedah tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada anggota berkenaan tetapi merangkumi anggota keluarga. Sebagai contoh ialah aktiviti BAKAT. Ianya memberi peluang kepada isteri-isteri anggota untuk menambah ilmu pengetahuan di samping bercampur gaul dengan isteri-isteri anggota yang lain. BAKAT dapat dilihat seperti sebuah keluarga yang besar di mana ibunya adalah isteri kepada ketua sesebuah pasukan. Sebagai ibu ia patut mengambil berat kebijakan anak-anaknya.

#### **5.2 MASALAH PENGURUSAN FAEDAH BUKAN DALAM BENTUK WANG**

Semua faedah bukan dalam bentuk wang telah disediakan dengan agak cukup dalam Tentera Darat. Cuma yang menjadi masalah utama ialah bagaimana faedah-faedah tersebut diuruskan oleh pasukan dan anggota. Tanpa pengurusan yang mantap faedah-faedah tersebut tidak dapat berfungsi seperti yang diharapkan. Sebagai contoh dalam penyediaan makanan. Pengurusan pasukan perlu mengadakan satu sistem yang sentiasa mengawal mutu makanan agar sentiasa baik. Tanpa pengawasan dari aspek pengambilan bahan mentah,

penyediaan makanan dan dewan makan yang selesa, sudah tentu faedah makanan tidak dapat memberi nilai yang baik kepada anggota.

Justeru itu semua pihak di pasukan perlu sedar akan tanggung jawab menguruskan faedah bukan dalam bentuk wang agar memberi lebih manfaat kepada semua pegawai dan anggota lain-lain pangkat. Pasukan perlu mengambil inisiatif bagi usaha penerangan dan juga tindakan yang lebih proaktif dalam menguruskan faedah bukan dalam bentuk wang. Konsep Pengurusan Kualiti Secara Menyeluruh (TQM) yang memberi penekanan kepada pelanggan perlulah menjadi budaya pentadbir pasukan.

Berikut adalah beberapa masalah dalam menguruskan faedah bukan dalam bentuk wang dalam pasukan. Masalah yang dibentangkan hanyalah ditumpukan kepada faedah-faedah tertentu sahaja berdasarkan kepada kerumitan untuk menguruskannya.

**5.2.1 Pengurusan Berkaitan Persaraan.** Faedah berkaitan persaraan sering menimbulkan berbagai masalah kepada anggota-anggota. Masalah yang sering ditimbulkan ialah anggota yang tidak layak mendapat pencen, kelewatan dalam mendapat pencen serta ganjaran dan tempat latihan peralihan yang tidak sesuai dengan minat anggota berkenaan. Masalah ini timbul adalah disebabkan oleh beberapa perkara seperti dokumen pemberhentian yang tidak lengkap, lambat memajukan permohonan pemberhentian, kurang peka kepada arahan semasa dan ketidakcekapan anggota yang ditugaskan untuk menguruskan hal perberhentian anggota-anggota tentera. Sikap pasif dalam menguruskan hal pemberhentian perlu dihindarkan. Pasukan disarankan untuk menujuhkan satu jawatankuasa yang bertindak memberi kaunseling kepada anggota yang

akan menamatkan perkhidmatan. Dalam memberi kaunseling kepada anggota, jawatankuasa perlu menitikberatkan dalam aspek latihan peralihan. Ini untuk memastikan anggota benar-benar memilih latihan yang bersesuaian dengan minat dan kebolehannya. Anggota juga perlulah berkerjasama dalam memberi maklumat yang tepat apakah bidang yang beliau ingin ceburi selepas tamat perkhidmatan nanti. Jawatankuasa juga perlu menyemak dengan pejabat tadbir pasukan dari hal dokumen-dokumen perberhentian.

**5.2.2 Berkaitan Insuran.** Faedah berkaitan insuran juga memerlukan pengurusan yang mantap. Masalah yang selalu dihadapi adalah berkaitan dengan insuran kelompok. Semua pegawai dan anggota sememangnya diwajibkan menyertai skim insuran kelompok yang diusahakan oleh Koperasi Tentera. Terdapat pegawai dan anggota-anggota lain-lain pangkat yang masih lagi kurang berminat untuk menyertai skim ini. Walaupun jumlah penyertaan adalah 100% tetapi kebanyakannya hanyalah menyertai skim ini pada jumlah unit yang minima. Penyertaan hanyalah sebagai syarat untuk memenuhi arahan dari pihak atasan.

Sebenarnya banyak pengalaman yang telah dilihat sendiri oleh anggota di mana kawan-kawan mereka yang meninggal dunia tidak mendapat apa-apa bayaran dari Koperasi Tentera akibat sesuatu kemalangan. Banyak balu-balu yang menghadapi masalah kewangan dalam menyara keluarganya. Tetapi oleh kerana tiada pulangan segera terhadap pelaburan tersebut, maka ianya tidak begitu meyakinkan anggota-anggota. Adalah menjadi tanggung jawab pasukan untuk memberi penerangan yang sejelas-jelasnya kepada semua anggota

tentang kebaikan skim ini. Penerangan ini perlu diberikan juga kepada isteri anggota berkenaan memandangkan skim ini juga boleh disertai oleh isteri-isteri anggota. Dengan cara ini mungkin anggota dapat melihat sendiri akan kebaikan skim tersebut.

Terdapat juga kes-kes di mana pertelaghanan berlaku antara bala dan ibu kepada anggota yang meninggal dunia berhubung dengan bayaran pampasan insuran kelompok. Kelemahan ini adalah disebabkan oleh kegagalan pasukan menentukan anggota membahagikan pampasan kepada ibu dan isterinya seperti yang diarahkan sewaktu beliau masih hidup. Justeru itu pemeriksaan terhadap aspek ini perlu dilakukan selalu oleh pasukan.

Rawatan perubatan juga menimbulkan masalah kepada semua pegawai dan anggota. Anggota-anggota yang memerlukan rawatan di Hospital Angkatan Tentera perlu diuruskan dengan baik agar ianya lebih berekonomi, tidak menjaskan tugas pasukan dan memberi keselesaan kepada anggota dan keluarganya. Masalah ini timbul bila mana anggota perlu menerima rawatan atas penyakitnya dalam tempoh yang panjang. Jika pasukan dari Pulau Pinang memutuskan untuk menggunakan kenderaan tentera tiap-tiap bulan untuk anggota menerima rawatan di Terendak, Melaka ianya didapati tidak berekonomi. Adalah lebih baik jika anggota tersebut ditukarkan ke pasukan yang berdekatan dengan hospital berkenaan.

Sebenarnya arahan berhubung dengan tatacara mendapat rawatan dari Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) sememangnya telah sedia ada. Apa yang menjadi masalah ialah pasukan jarang sekali

mempraktikkannya. Polisi Tentera Darat yang menekankan "Back to Basic" telah di antara lain menekankan aspek-aspek sebegini. Segelintir anggota-anggota telah menyalahgunakan rawatan perubatan atas alasan untuk mengelakkan dari melaksanakan sesuatu tugas. Pasukan perlu menguruskan gejala ini agar ianya tidak menjadi satu budaya. Sepatutnya anggota-anggota yang didapati kerap menerima rawatan (lapor sakit) boleh diberhentikan dari perkhidmatan tentera. Kerjasama pihak RSAT dengan pasukan perlulah sentiasa dijalin demi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anggota. Sikap anggota yang menyalahgunakan rawatan perubatan boleh menjasaskan anggota-anggota yang benar-benar ingin memerlukan rawatan.

- 5.2.3 **Bayaran Masa Tidak Bekerja.** Pengurusan cuti perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya oleh pasukan. Ini adalah untuk menentukan semua anggota mendapat cuti tiap-tiap tahun. Anggota-anggota yang tidak berpeluang bercuti adalah disebabkan oleh kelemahan pasukan dalam membuat perancangan cuti dan juga perancangan tugas yang lebih terperinci

Anggota juga perlu ditemuduga sebelum perancangan cuti dibuat. Ini adalah untuk memberi beliau pilihan bila beliau akan bercuti. Kelazimannya banyak anggota yang cenderung untuk mengambil cuti tahunan di musim perayaan. Apabila ini berlaku maka pasukan akan menghadapi masalah untuk meluluskannya memandangkan setiap pasukan hanya boleh membenarkan anggota bercuti pada kadar 10% dari jumlah anggota dalam pasukan. Justeru itu adalah menjadi tanggung jawab pasukan untuk mengatasi masalah ini. Anggota yang belum berkahwin perlu diberi keutamaan untuk menyambut perayaan di

kampungnya. Bagi anggota yang sudah berkahwin keutamaan adalah kepada mereka yang belum berpeluang sebelum ini menyambut perayaan di kampung. Masalah ini juga berlaku bila musim cuti sekolah.

#### 5.2.4 Lain-lain Faedah. Lain-lain faedah adalah lebih rumit untuk diuruskan.

- (i) Penginapan. Penginapan yang selesa amatlah dititikberatkan oleh Tentera Darat. Keselesaan tempat penginapan merangkumi berbagai aspek seperti kemudahan asas, alam sekitar dan keadaan fizikal penginapan tersebut. Peruntukan wang senggaraan yang sememangnya tidak mencukupi memerlukan pasukan lebih bijak memberi keutamaan dalam melaksanakan kerja-kerja senggaraan. Ini bermakna bahawa bangunan-bangunan yang melibatkan tempat kediaman, tandas dan pejabat-pejabat perlulah diberi keutamaan untuk diselenggarakan. Kerosakan bukan disebabkan oleh semula jadi (fair, ware and tear) perlu diambil tindakan sewajarnya. Denda di atas kecuaian anggota-anggota menggunakan kemudahan perlu diperkemaskan. Kebersihan tempat penginapan hanya dapat ditentukan dengan pemeriksaan yang lebih kerap dan juga kempen yang lebih agresif.
- (ii) Makanan. Pengurusan pasukan perlu mengadakan satu sistem pengawalan mutu makanan agar ia sentiasa baik. Pengawasan dari aspek pengambilan bahan mentah, penyediaan makanan dan dewan makan yang selesa perlu diambil perhatian. Kuantiti bahan mentah yang diambil perlukan pengiraan yang teliti untuk menentukan anggota mendapat kuantiti makanan yang sepatutnya. Bahan mentah juga perlu disimpan di tempat yang

sesuai untuk menjamin mutu bahan tersebut tidak terjejas. Penyediaan bekas bahan mentah dan makanan siap dimasak perlulah bersih. Pasukan juga perlu lebih kreatif dalam memperindahkan dewan makan agar lebih selesa.

Mesyuarat makanan pasukan perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membincangkan perkara-perkara penting seperti menu harian. Kakitangan dapur juga perlu lebih proaktif dalam menyediakan makanan kepada anggota. Sikap bangga terhadap tugas perlu disemai di kalangan kakitangan dapur. Mereka perlu diberi penghargaan oleh pasukan terhadap mutu makanan yang baik. Sikap pasukan yang meletakkan kakitangan dapur sebagai bidang tugas yang tidak penting perlu dikikis. Sebenarnya semua anggota perlu sedar akan kepentingan tanggung jawab masing-masing.

(iii) Pakaian. Pasukan juga perlu menentukan anggota-anggota mempunyai pakaian yang secukupnya. Pakaian yang diberi kepada anggota bukan sahaja perlu memuaskan dari aspek kuantiti tetapi juga dari aspek kualiti. Walaupun garis panduan untuk pengurusan pakaian telah sedia ada, masalah wujud sebab pasukan tidak mengambil tindakan sewajarnya. Aspek penukaran pakaian yang baru sentiasa menjadi masalah dalam pasukan. Kelemahan dalam rekod berhubung penukaran pakaian menyebabkan ianya disalahgunakan oleh anggota. Justeru itu pasukan perlu sentiasa membuat pemeriksaan terhadap pakaian anggota dan tidak hanya menunggu semasa diadakan Pemeriksaan

Tadbir Tahunan. Pihak Kuartermaster juga perlu membuat perancangan permohonan pakaian selaras dengan aktiviti pasukan

(iv) Perjalanan Percuma dan Konsesi. Anggota tentera dan keluarga mereka berhak untuk mendapat perjalanan percuma sekali setahun. Mereka juga berpeluang mendapat konsesi tambang keretapi dan kapal terbang. Memandangkan konsep kewangan sekarang ialah "Modified Budgeting System" di mana pasukan membuat anggaran belanjawan sendiri, maka pasukan perlulah berhati-hati dalam membuat pengiraan keperluan kewangan. Kegagalan pasukan membuat anggaran yang tepat terhadap keperluan kewangan untuk perjalanan percuma akan mengakibatkan anggota tidak dapat menggunakan faedah tersebut dengan sepenuh.

(v) Skim Pengajian Tinggi. Skim pengajian tinggi sememangnya menarik minat semua pegawai dan anggota. Walaubagaimanapun pegawai mempunyai lebih peluang kerana kelulusan akademik yang lebih tinggi dari anggota lain-lain pangkat. Bagi pegawai, kursus yang ingin dihadiri perlulah dapat memberi keuntungan kepada kerjaya beliau dan pasukan. Sebelum pegawai tersebut membuat permohonan beliau hendaklah diberi nasihat oleh pegawai pemerintah dari aspek kerjaya beliau dalam tentera. Ini adalah kerana peluang untuk kenaikan pangkat akan terlepas jika beliau pergi melanjutkan pelajaran. Adalah lebih baik beliau menunggu dinaikkan pangkat sebelum melanjutkan pelajaran.

Bagi anggota lain-lain pangkat pula mereka juga perlu digalakkan menyertai program intensif bagi mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pasukan sesungguhnya tidak mampu untuk membenarkan sebilangan anggota menyertai program tersebut sepenuh masa. Justeru itu anggota-anggota yang layak sahaja dipilih untuk menyertai program ini. Pasukan juga perlu memeriksa pencapaian anggota berkenaan untuk mengetahui pencapaian mereka. Anggota yang didapati tidak bersungguh-sungguh dalam menyertai program ini perlu diberi amaran atau dibatalkan penyertaan mereka.

(vi) Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer. Anggota perlu digalakkan membuat pinjaman perumahan semasa dalam perkhidmatan. Iri adalah untuk memberi jaminan pemilikan rumah kepada mereka apabila tamat perkhidmatan. Perumahan juga dapat menyelesaikan masalah perumahan anggota terutama di kawasan bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Pulau Pinang. Di tempat-tempat ini terdapat kekurangan rumah Kerajaan dan juga sewa rumah yang tinggi. Pasukan perlu mengambil tahu tentang syarikat perumahan yang menawarkan penjualan rumah kepada anggota. Ini adalah untuk mengelakkan dari anggota tertipu.

(vii) Pinjaman Koperasi Tentera. Pinjaman Koperasi Tentera menjadi tarikan dan minat pegawai dan anggota. Ini adalah kerana kemudahan untuk membuat pinjaman, kadar faedah yang rendah

dan cepat untuk mendapat kelulusan. Apa yang menjadi masalah ialah berhubung dengan penjamin yang sentiasa menjadi mangsa anggota yang membuat pinjaman. Kadangkala anggota yang membuat pinjaman telah diberhentikan dari perkhidmatan tanpa pengetahuan si penjamin. Selepas anggota tersebut tamat perkhidmatan penjamin terpaksa menanggung segala baki hutang yang ditinggalkan. Pasukan tidak dapat berbuat apa-apa kerana di luar bidang kuasa pasukan. Apa yang perlu dibuat ialah sebelum anggota berkenaan memohon pinjaman beliau haruslah ditemuduga tentang kegunaan pinjaman tersebut. Pasukan juga boleh membatalkan permohonan tersebut jika didapati anggota berkenaan sering menghadapi masalah kewangan dan masa depan kerjaya yang tidak menentu atau menyakinkan.

(viii) Kemudahan Wisma dan Kelab. Pengurusan wisma dan kelab yang cekap boleh memberi faedah yang lebih kepada pegawai dan anggota. Ahli-ahli Jawatankuasa yang aktif lagi bertenaga dapat mengiatkan wisma dan kelab. Semangat setiakawan yang tinggi dapat dipertingkatkan lagi antara ahli-ahli. Tradisi wisma dan kelab perlu dipertahankan. Ianya diperolehi melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan juga penyertaan semua ahli dalam menjayakan aktiviti tersebut. Keadaan wisma dan kelab juga perlulah menarik minat semua ahli hadir untuk menggunakan kemudahannya. Justeru itu, wisma dan kelab perlulah diperlengkapkan dengan berbagai kemudahan yang secukupnya. Penggunaan wang ahli perlulah memberi impak terhadap wisma dan kelab. Kelemahan pengurusan kewangan wisma menyebabkan wisma tidak bermaya dan berfungsi. Pegawai Memerintah wisma

dan kelab perlu sentiasa mengawal ahli jawatankuasa wisma agar berfungsi sepetimana termaktub dalam undang-undang wisma dan kelab.

(ix) Perkhidmatan Dobi/Jahitan/Kasut. Anggota perlu menggunakan kemudahan perkhidmatan dobi/jahitan/kasut yang disediakan oleh Kerajaan. Jika anggota tidak menggunakan perkhidmatan berkenaan sebab mutu yang rendah maka sesuatu yang tidak betul telah berlaku. Pasukan didapati gagal untuk memastikan kontrak dobi dan jahit mematuhi perjanjian yang telah ditetapkan atau pasukan gagal membuat pemilihan terhadap kontraktor yang layak untuk dipilih. Pasukan hendaklah sering berhubung dengan kontraktor untuk memastikan kualiti dobi dan jahitan mengikut sepetimana dalam perjanjian. Apa-apa kekurangan perlu dimasukkan pada tender yang akan datang. Buku-buku dobi perlu diperiksa sendiri oleh pegawai menerintah untuk memastikan tahap penggunaan perkhidmatan tersebut oleh anggota pasukan. Perkhidmatan pemberian kasut adalah diluar bidang kuasa pasukan kerana ianya telah diserahkan kepada pihak penjara oleh Kementerian Pertahanan.

(x) Bas Sekolah. Perkhidmatan bas sekolah (Feri Sekolah) adalah satu perkhidmatan yang amat mustahak kepada anak-anak anggota tentera. Ianya adalah kerana jumlah bayaran tambang yang jauh lebih murah dari bas sekolah awam. Sebenarnya kebanyakannya pasukan menggunakan trak. Kebanyakannya trak tidak begitu selesa bagi kegunaan kanak-kanak sekolah. Pasukan perlu lebih kreatif dalam mengubahsuai tempat duduk dalam trak

berkenaan. Di samping itu juga pasukan juga perlu lebih efisyen dalam membuat kutipan tambang bulanan. Ini adalah masalah yang dihadapi oleh kebanyakan pasukan. Anggota yang gagal untuk membayar tambang bulanan untuk anaknya perlu diberi amaran dan jika berdegil beliau harus dilarang menggunakan perkhidmatan tersebut.

(xi) Gunting Rambut. Perkhidmatan gunting rambut juga mustahak dalam pasukan. Pasukan perlu memberi perkhidmatan yang baik kepada kontraktor tersebut memandangkan masalah mendapat kontraktor yang berminat. Perkhidmatan yang boleh diberikan ialah menentukan semua anggota bergunting kepadanya, membayar wang gunting setiap bulan tanpa kelewatan, menyediakan tempat gunting yang selesa dan memberi amaran awal berhubung sesuatu aktiviti pasukan seperti perbarisan pasukan yang memerlukan anggota bergunting rambut. Ini membolehkan kontraktor berkenaan mendapat bantuan untuk mengunting rambut bagi jumlah anggota yang ramai dalam masa yang singkat.

(xii) Kantin. Pemilihan kontraktor kantin yang dapat memberikan perkhidmatan yang baik amat penting sekali. Penekanan terhadap mutu makanan, kebersihan dan keselesaan kantin perlu dititikberatkan. Pasukan juga perlu sentiasa mengawasi agar kontraktor sentiasa mematuhi perjanjian yang telah dimeterai.

(xiii) Kemudahan PERNAMA. PERNAMA sememangnya menawarkan barang yang menarik minat anggota untuk

membelinya. Kadangkala PERNAMA juga menganjurkan jualan khas di masa-masa tertentu untuk meningkatkan jualan. Sebelum ini seseorang anggota yang ingin membeli barang-barang tertentu perlu mendapatkan kelulusan daripada ketuanya. Memandangkan ianya merupakan halangan kepada cadangan penjualan tersebut, maka penjualan khas tidak perlu mendapat kelulusan oleh ketua anggota berkenaan. Ini adalah kerana semua pembelian barang elektrik adalah secara hutang. Pihak PERNAMA terus meluluskan permohonan anggota tanpa mempedulikan kedudukan kewangan anggota berkenaan. Adalah menjadi kewajipan pasukan untuk memberi penerangan kepada anggota-anggota berhubung dengan keperluan barang tersebut kepada anggota sebelum sesuatu jualan khas.

(xiv) Penganugerahan Pingat dan Sijil Khidmat. Arahan untuk pasukan memajukan pencalonan-pencalonan untuk penganugerahan pingat sememangnya dititikberatkan oleh Tentera Darat. Apa yang menjadi masalah ialah pasukan jarang mempunyai rekod berhubung dengan jasa anggota masa lalu. Ini akan menimbulkan masalah bagi menulis "citation" bagi pencalonan tersebut. Pasukan perlu mendapatkan dan menyimpan semua rekod-rekod anggota untuk memudahkan membuat "citation". Dengan adanya rekod-rekod sedemikian ianya membolehkan pencalonan dibuat dengan tepat dan mengikut masa yang ditetapkan.

(xv) Menyandang Jawatan Yang Mustahak. Pegawai dan anggota yang berkebolehan sememangnya diberi peluang untuk

menyandang jawatan yang mustahak. Jawatan yang mustahak ini sememangnya berkait rapat dengan kuasa yang diberi. Justeru itu pegawai dan anggota yang diketahui mempunyai potensi perlu diasuh dan dihantar menghadiri kursus meningkat. Mereka juga mesti diberi peluang untuk melaksanakan tugas yang mencabar untuk memperolehi pengalaman. Sikap yang menganggap bahawa mereka merupakan ancaman terhadap kerjaya seseorang ketua perlu dikikis. Semua pihak perlu memberi keutamaan kepada perkhidmatan dari segala-galanya.

(xvi) Keadaan Tempat Kerja Yang Selesa. Pasukan juga perlu menentukan tempat kerja yang selesa bagi semua pegawai dan anggota. Pengindahan kem-kem perlu mendapat perhatian ketua pasukan. Penggunaan wang senggaraan terhadap pembaikan bangunan perlu kepada keutamaan. Perbelanjaan yang memberi faedah kepada kumpulan yang kecil tidak harus diberi keutamaan memandangkan jumlah peruntukan yang sedikit.

(xvii) Aktiviti Keagamaan. Sikap terhadap keperluan aktiviti keagamaan hanya memenuhi kehendak perkhidmatan perlu diubah. Penekanan pasukan terhadap anggota-anggota yang baru berkhidmat hadir untuk aktiviti keagamaan tertentu sesungguhnya tidak menjadikan anggota pasukan itu kaya dengan ilmu. Pasukan perlu sedar bahawa semua anggota yang beragama Islam masih lagi kurang ilmu pengetahuan tentang Islam. Apatah lagi hal-hal berhubung dengan amal ibadat yang mana masih lagi kurang memuaskan. Justeru itu pasukan perlu memprogramkan aktiviti keagamaan ini yang memerlukan semua penyertaan dalam

pasukan. Dengan cara ini nescaya tujuan aktiviti tersebut yang digariskan oleh Tentera Darat dapat mencapai objektifnya

(xviii) BAKAT. Pasukan juga perlu menguruskan aktiviti BAKAT agar ianya menarik minat ahli-ahli menghadirinya. Sebenarnya kemudahan yang disediakan oleh pasukan sekarang sememangnya mencukupi. Kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan ialah kenderaan, rumah BAKAT dan kelonggaran suami tidak hadir ke tempat kerja untuk membolehkan isterinya hadir untuk aktiviti-aktiviti BAKAT. Apa yang penting di sini ialah aspek keseimbangan berhubung aktiviti-aktiviti BAKAT. Keseimbangan di sini ialah dari aspek keperluan pendidikan jasmani melalui aktiviti sukan, rumahtangga melalui aktiviti masak dan jahitan, riadah melalui perkelahan serta lawatan dan ilmu melalui syarahan ugama dan kesihatan. Pasukan perlu lebih menitikberatkan berhubung dengan kepentingan majlis ilmu terutama ilmu agama Islam. Penekanan bukan hanya dari aspek syarahan semata-mata tetapi dari aspek amali. Ini adalah penting untuk menentukan isteri-isteri anggota sama-sama berpeluang mempelajari ilmu agama Islam dengan lebih mendalam. Dengan kesedaran ini nescaya keadaan rumahtangga anggota berkenaan sentiasa harmoni sepertimana yang dikehendaki oleh pasukan.

(xix) Sukan. Dalam usaha untuk memajukan sukan dalam Tentera Darat perancangan sukan yang rapi perlu bermula di peringkat pasukan. Pasukan perlu merancang dengan teliti aktiviti sukan dan juga mengambil berat penyertaan pegawai dan anggota dalam aktiviti-aktiviti sukan. Aktiviti sukan di pasukan tiap-tiap

minggu yang ada sekarang merupakan peluang terbaik untuk pasukan mengenalpasti bakat-bakat baru dalam bidang-bidang sukan yang tertentu. Bakat-bakat baru ini perlu diberi latihan di tempat awam dan tentera. Kerjaya ahli-ahli sukan yang mewakili peringkat formasi, Tentera Darat dan negara perlu juga diberikan perhatian. Pegawai dan anggota yang cemerlang hendaklah juga dicalonkan untuk menerima Anugerah Sukan Tentera Darat.

### 5.3 CADANGAN-CADANGAN MEMPERBAIKI FAEDAH BUKAN DALAM BENTUK WANG

Walaupun berbagai jenis faedah bukan dalam bentuk wang dalam Tentera Darat boleh dianggap mencukupi tetapi beberapa faedah perlulah diperbaiki demi memantapkan lagi faedah-faedah tersebut sesuai dengan zaman yang serba maju sekarang ini. Berikut adalah beberapa cadangan-cadangan terhadap faedah-faedah bukan dalam bentuk wang yang perlu diperbaiki.

5.3.1 Penginapan Penginapan anggota lain-lain pangkat yang tinggal di beras perlu dipertingkatkan. Anggota perlu sekurang-kurangnya diletakkan dua orang sebilik. Keadaan sekarang di mana anggota tinggal di blok yang panjang dan tidak mempunyai bilik nyata kurang sesuai. Aspek privasi perlu dihormati oleh pasukan. Kemudahan perumahan kerajaan untuk anggota tentera perlu diperbanyak lagi terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Pulau Pinang. Ini adalah kerana sewa rumah yang mahal dan tidak mampu untuk disewa dengan imbuhan perumahan yang diberi. Banyak anggota yang kurang berminat untuk berkhidmat di tempat-tempat berkenaan disebabkan oleh masalah tersebut. Kebanyakan mereka tidak membawa keluarga tinggal bersama

di kawasan tempat kerja. Oleh yang demikian pasukan akan menghadapi masalah untuk mengawal anggota kerana berjauhan dengan isterinya

- 5.3.2 Cuti Tamat Perkhidmatan dan Sambung Perkhidmatan. Cuti Tamat Perkhidmatan dan sambung perkhidmatan hanyalah diberi kepada anggota lain-lain pangkat sahaja. Faedah ini perlulah diberi juga kepada pegawai-pegawai.
- 5.3.3 PERNAMA. Sebenarnya mengikut sejarah, PERWIRA NIAGA MALAYSIA (PERNAMA) atau sebelumnya dikenali sebagai NAVAL, ARMY AIR FORCE INSTITUTE (NAAFI) sememangnya memberi faedah kepada anggota tentera. NAAFI juga sebelum ini menjadi keinginan bagi masyarakat awam mendapat khidmatnya. Malangnya konsep NAAFI tersebut kurang terdapat kepada perkhidmatan PERNAMA sekarang. Jika dilihat, PERNAMA tiada bezanya daripada Supermarket yang ada di mana-mana kerana semua orang termasuk orang awam boleh mendapatkan khidmatnya kecuali pembelian barang-barang terkawal. Barang-barang yang dijual juga tidak banyak bezanya dari segi harga dengan kedai-kedai di tempat awam yang lain. Cuma kemudahan pembelian secara ansuran sahaja yang menarik minat anggota menggunakan perkhidmatan PERNAMA. Justeru itu PERNAMA perlu mengkaji balik fungsi penubuhannya agar memberi faedah yang lebih menarik kepada anggota tentera.
- 5.3.4 Pinjaman Koperasi Tentera. Pihak Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) perlu mempunyai kuasa untuk memotong ganjaran anggota tentera yang berhenti dari perkhidmatan tentera jika ianya masih berhutang dengan Koperasi Tentera. Jika perkara ini tidak dapat diselesaikan penjamin akan

sentiasa menjadi mangsa. Masalah ini tidaklah begitu ketara di mana ianya tidaklah menjelaskan jumlah anggota yang memohon pinjaman wang. Ianya adalah merupakan satu kelemahan yang perlu diberi perhatian.

- 5.3.5 Konsesi Tambang konsesi yang diamalkan sekarang bagi perkhidmatan keretapi hanyalah untuk keretapi mel sahaja tidak termasuk Ekspress Sinaran dan Langkawi. Justeru itu faedah konsesi ini juga perlu diperluaskan kepada perkhidmatan tersebut sebilang masa.